

Jenis Akhbar : Utusan Sarawak
Tarikh : 24/05/2020
Edisi / Muka Surat : Sarawak / 27
Tajuk : Moratorium Bank Rakyat berjumlah RM6 bilion

Moratorium Bank Rakyat berjumlah RM6 bilion

KUALA LUMPUR: Jumlah moratorium yang diberikan oleh Bank Rakyat kepada pelanggannya mencecah sehingga RM6 bilion, kata Ketua Pegawai Eksekutif Datuk Rosman Mohamed.

"Moratorium atau tanggungan pembayaran yang kita beri selama enam bulan itu melibatkan jumlah RM1 bilion yang kita tidak kutip pada setiap bulan selama enam bulan."

Walaupun jumlah itu amat besar, ia adalah satu usaha yang terpaksa dibuat.

"Covid-19 ini bukan satu

perkara yang kita minta dan bukan sahaja pihak kerajaan yang kena membantu tetapi semua lapisan masyarakat. Kita perlu memberi sokongan yang padu agar ekonomi kita dapat dipulihkan," katanya dalam satu temubual di "Ruang Bicara" Bernama TV.

Walaupun bank itu amat prihatin, proses susulan dan pengambilan hutang akan dibuat dengan tegas.

"Bank Rakyat sedang mengenalpasti kaedah untuk mengutip hutang ini. Ini adalah tanggungjawab bersama,

terutama selepas tempoh moratorium berakhir. Jika anda mahu melihat Bank Rakyat terus berjaya dan membuat bayaran dividen, Bank Rakyat kena maju."

Katanya, pemberian moratorium itu bermakna ada kos yang perlu ditanggung oleh pihak bank.

"Pada hujungnya, bank perlu berprestasi dan merekodkan kejayaan. Kalau bank tak berjaya macam mana kita nak menjana ekonomi pada masa-masa akan datang," tambah Rosman.

Bank Rakyat mempunyai

lebih kurang 1.3 juta pelanggan dan aset bernilai RM109 bilion.

Disamping moratorium yang diumumkan sebagai sebahagian daripada pakej rangsangan ekonomi khusus bagi menghadapi pandemik Covid-19, Bank Rakyat juga memperuntukkan sejumlah RM300 juta dibawah kempen BRCAres.

Bantuan itu disalurkan kepada kepada koperasi, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), usahawan wanita dan perniagaan mikro serta segmen perniagaan teras runcit yang terjejas akibat pandemik.

"Sebanyak RM50 juta kita khususkan kepada usahawan wanita, RM50 juta untuk usahawan mikro dan RM200 juta kepada koperasi kecil termasuk PKS. Matlamat utama adalah untuk membantu mereka. Malahan kita berikan mereka penangguhan bayaran selama sembilan bulan.

Melangkah ke hadapan, beliau berkata, Bank Rakyat sedang melihat kepada idea untuk membuka beberapa cawangan mini, terutamanya di kawasan luar bandar seperti di Sabah dan Sarawak yang tidak mempunyai perkhidmatan perbankan serta kewangan.

- Bemama



BANK Rakyat sedang melihat kepada idea untuk membuka beberapa cawangan mini, terutamanya di Sabah dan Sarawak.